

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**[KAPIT]**  
**TARIKH : 05 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 31**

**Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [ KAPIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dalam mata wang Ringgit Malaysia tunggakan hutang Sarawak kepada Kerajaan Pusat setakat hari ini. Jelaskan untuk apa sebenarnya dana itu digunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang diluluskan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sehingga 30 September 2019 adalah berjumlah RM5,409.79 juta dengan purata tempoh pinjaman di antara 5 tahun sehingga 30 tahun.

Pinjaman ini bertujuan membiayai projek-projek kemudahan asas untuk faedah rakyat seperti projek Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan lain-lain lagi projek pelbagai.

Berdasarkan rekod Kementerian Kewangan, terdapat tunggakan hutang Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM33.26 juta yang meliputi Pinjaman Boleh Dituntut (sumber luar) bagi membiayai Projek Pembangunan Pertanian Kalaka Saribas (Kelapa Sawit). Tunggakan ini adalah disebabkan oleh perbezaan takrifan kadar tukaran mata wang asing yang dinyatakan di dalam perjanjian pinjaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, penyelesaian bayaran tunggakan hutang ini dalam perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak.